

KAJIAN TENTANG TAHAP KEPRIHATINAN GURU TERHADAP INOVASI PEMBELAJARAN ABAD KE-21 BERDASARKAN MODEL CBAM

Lee Soo Ying

Falkuti Pendidikan , Universiti Kebangsaan Malaysia

Tel: +6017-6027394 Email: sying117@gmail.com

Dr. Zanaton Hj Iksan

Falkuti Pendidikan , Universiti Kebangsaan Malaysia

Tel: +6017-6027394 Email: zanaton.iksan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keprihatinan guru terhadap sesuatu perkara mempengaruhi tingkah laku dan amalan di dalam bilik darjah. Keprihatinan guru tentang inovasi pembelajaran abad ke-21 membantu dalam menentukan strategi pengajaran terbaik agar dapat diintegrasikan secara berkesan di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka keprihatinan guru di sekolah rendah khususnya berkenaan pembelajaran abad ke-21. Reka bentuk kajian adalah kajian kuantitatif. Data dikumpul melalui kaedah soal selidik CBAM supaya dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang keprihatinan pembelajaran abad ke-21. Kajian ini melibatkan 10 orang guru di SJKC Ketari, Bentong. Data dikumpul daripada soal selidik yang dijawab oleh guru. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru kurang memunyai keprihatinan dalam Pembelajaran Abad Ke-21.

Kata Kunci: *Pembelajaran Abad ke-21, CBAM*

PENGENALAN

Keberhasilan pendidikan di negara kita yang diterjemahkan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti merupakan salah satu cabaran negara ke arah negara maju. Amanah ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu sama-sama dipikul oleh semua warga pendidikan terutama guru-guru di bilik darjah. Kesedaran guru terhadap pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 amatlah penting pada masa kini. Peranan dan komitmen guru-guru amat diperlukan dan malah tugas menjadi sangat mencabar dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21.

Kemahiran mengajar abad ke-21 merupakan satu set kemahiran mengajar yang diperlukan untuk guru menerima di era digital ini. Guru yang berkualiti dan berani menghadapi cabaran menjadi sandaran Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti dihasrat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. (Laporan PPPM, 2015) Guru yang berkualiti akan menjadikan sebuah sekolah mempunyai prestasi yang tinggi.

Pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) merupakan salah satu unsur yang penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Definisi Pembelajaran abad ke-21 adalah proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Proses pembelajaran berpusatkan murid dapat melatih anak murid supaya tidak banyak bergantung pada guru untuk mencari ilmu.

Ramai guru berasa tidak berkeyakinan dan keliru dengan PAK-21 kerana kurang memahami konsep yang diperkenalkan. Sebenarnya, PAK-21 menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan berunsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pada era globalisasi ini, para murid perlu berfikiran kritis dan kreatif, inovatif dan mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan serta mempunyai akhlak yang tinggi (Nurul Nashrah et.al, 2015). Kemahiran komunikasi yang berkesan akan menarik minat pelabur-pelabur daripada luar negara untuk membuat pelaburan di Malaysia seterusnya meningkatkan ekonomi negara Malaysia.

Pencapaian Malaysia dalam *Trends in Mathematics and Science Study* (TIMSS) tahun 2011 adalah pada kedudukan ke-20 bagi Matematik dan bagi Sains dalam kalangan 49 buah negara, manakala dalam laporan *Program for International Student Assessment* (PISA) tahun 2009 menunjukkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan ke-57 bagi Matematik, ke-55 bagi Sains dan ke-52 dalam Pemahaman Bahasa Inggeris dalam kalangan 74 negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Melihat kepada persaingan yang sihat antara negara-negara lain, pendidikan Malaysia juga harus maju ke depan agar anak-anak Malaysia tidak dipandang rendah apabila bertanding di luar negara.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Erma dan Leong (2014) mendapati murid negara kita gagal menjawab soalan yang memerlukan pemikiran beraras tinggi. Ia disebabkan oleh pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang kurang menekankan tentang kemahiran berfikir beraras tinggi (KBAT). Pada masa dulu kala juga tiada teknologi yang canggih untuk mereka mencari maklumat melalui internet. Oleh yang demikian, pengajaran oleh guru masa kini haruslah menggunakan bahan internet supaya apa yang dipelajari tiada batasan.

Kajian yang dijalankan oleh Tuan Mastura Tuan Soh, Nurazidawati Mohamad Arsad & Kamisah Osman (2013) pula mendapati bahawa murid negara kita kurang mempunyai tanggungjawab ketika bekerja dalam kumpulan. Mereka masih terlalu bergantung kepada guru ataupun rakan rapat mereka. Selain itu, murid juga harus belajar cara komunikasi melalui kerja kumpulan. Kebanyakan murid tidak mempunyai adik-beradik yang ramai, ini menyebabkan mereka tidak tahu makna “berkongsi”. Kehidupan murid pada masa kini terlalu mewah dengan kebendaan. Oleh itu, berlakunya unsur “selfishness” dalam kelas. Di samping itu, ibu bapa juga terlalu manjakan anak, tidak boleh bagi anaknya pikul tanggungjawab yang berat dalam satu kumpulan.

Justeru, bagi memastikan modal insan yang dilahirkan bawah sistem pendidikan Malaysia yang boleh bersaing di persada dunia, pembelajaran abad ke-21 (PAK21) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi JERIS, berdaya tahan dengan cabaran luar, bersemangat ingin tahu, boleh mencari

jawapan sendiri, berprinsip teguh, berpatriotik serta mempunyai kemahiran berfikir beraras tinggi dan boleh bekerja dalam kumpulan dengan mempunyai suasana harmoni.

SEJARAH

Untuk menolong guru jelas dalam bidang pendidikan dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan PAK21, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan inisiatif pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 secara rintis pada 2014 dan meluaskan pelaksanaan ke seluruh negara mulai tahun 2015. Pelancaran ini telah melibatkan pegawai pendidikan termasuklah guru-guru untuk menghadiri kursus secara berperingkat. Guru-guru didedahkan konsep PAK-21. Kursus yang guru hadiri juga digunakan cara PAK-21, maka guru akan rasa selesa dengan penggunaan PAK-21.

Dalam Buletin Anjakan Bil 5/2015 telah membincangkan PAK 21 serta beberapa model susunan atur kelas abad ke-21. Model susun atur meja yang pelbagai dapat memberikan suasana yang baru kepada murid untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Model Susunan atur yang sesuai dengan alaf yang baru akan mendatangkan peluang yang baik untuk murid-murid belajar secara kumpulan. Pengajaran di sekolah adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) – adalah sebagai penanda Aras keberkesanan pendidikan abad ke-21.

Menurut Nurul Nashrah, Noor Hasimah, & Nur Aida, 2015 ,bagi membolehkan rmurid-murid dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan, pengubahsuaian dan penambahbaikan dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran amat diperlukan. Ini adalah supaya pihak sekolah dapat menyediakan murid-murid berkemahiran abad ke-21 bagi membolehkan mereka mengharungi cabaran walau dalam apa jenis keadaan. Murid haruslah menyesuaikan diri dengan cara pengajaran guru pada abad ke 21 sejak awal lagi. Kemahiran asas perlu diterapkan supaya mereka menempuh cabaran yang pelbagai pada masa depan.

INOVASI DAN PERUBAHAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Menurut Hall & Hord (2011), setiap perubahan mengikut peredaran masa dan inovasi memerlukan organisasi dan individu yang dapat ikut perubahan. Perubahan mengikut peredaran masa adalah penting supaya setiap individu dapat mengecilkan jurang perbezaan antara perancangan dan realiti apabila individu berubah sedikit demi sedikit bagi mencapai matlamat dalam sesuatu bidang. Perubahan dalam bidang pendidikan akan membawa perubahan yang besar kepada sektor lain kerana pendidikan yang baik akan membawa kesan positif kepada sector lain. Oleh demikian, KPM menitikberatkan perubahan yang positif untuk guru-guru sekalian.

Berdasarkan Silahuddin (2015), inovasi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan sesebuah negara termasuklah aspek pembangunan teknologi yang diterapkan dalam pendidikan, sistem pendidikan yang dilaksanakan di setiap sekolah, dan juga inovasi yang secara langsung berkaitan dengan proses pembelajaran. Selain itu, inovasi dalam kurikulum, strategi pembelajaran, kaedah pengajaran atau model yang digunakan dalam proses pengajaran dan

pembelajaran jugalah perlu dititikberatkan. Cara pengajaran guru daripada “Chalk and Talk” pada masa dulu sudah perlu diubah, dan komunikasi adalah secara dua hala.

Hall dan Hord (2011) mendefinisikan keprihatinan sebagai perasaan, fikiran serta reaksi individu terhadap sesuatu perubahan atau inovasi yang mempengaruhi kehidupan mereka. Namun, perubahan dan inovasi dalam bidang pendidikan bukan bergantung kepada faktor guru sahaja, sokongan dari ibu bapa, komuniti, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan lain-lain juga penting dalam proses implementasi inovasi pendidikan.

Sharifah, Kamarul Azman, Mohd Mazhan (2017) menyatakan kebanyakan guru cuba melaksanakan inovasi, tetapi mereka menghadapi halangan dan cabaran yang pelbagai kerana adanya pihak pegawai yang tidak jelas tentang proses pelaksanaan inovasi dan sistem inovasi yang terbaru. Mereka telah biasa dengan pendidikan cara yang lama dan belum lagi menyesuaikan diri dengan cara pengajaran yang baru. Merujuk kepada proses pelaksanaan inovasi dan sistem inovasi terbaru amatlah memakan masa kerana proses ini bukannya dapat melihat kesan pada sehari-dua. Akibatnya, hasil inovasi adalah berbeza dari segi kualiti di bawah tindakan pelaksanaan.

Keprihatinan guru terhadap inovasi adalah bergantung kepada faktor-faktor penerimaan dan cara penyebaran inovasi pendidikan di seluruh negara. Cara penyebaran yang berkesan adalah perlu demonstrasi yang betul. Cara demonstrasi yang betul dapat memberikan kesan yang positif kepada generasi yang akan datang. Menurut Yusup (1994), bukan semua inovasi pendidikan boleh diterima dan dilaksanakan. Penerimaan dan pelaksanaan sesuatu inovasi mengikut Havelock (1971) bergantung kepada lima pemboleh ubah:

A. Atribut Atau Ciri Inovasi

Inovasi yang mudah diterima oleh pendidik pada masa kini perlulah mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai kelebihan relatif, tidak menimbulkan kerumitan, serasi dengan penerima, mudah untuk percubaan dan mudah untuk pemerhatian. Ciri-ciri ini perlulah senang difahami supaya pendidik juga dapat melaksanakan di sekolah.

B. Jenis Keputusan Inovasi Yang Dipilih

Jenis keputusan ramai untuk memilih sesuatu inovasi akan mempengaruhi penerimaan dan penyebaran inovasi. Biasanya ada tiga jenis keputusan dalam proses membuat keputusan atau penentuan menerima dan melaksanakan inovasi seperti keputusan pilihan, keputusan kumpulan dan keputusan pihak berkuasa/latasan. Keputusan yang dibuat oleh pelaksana akan memberikan kesan yang positif kepada anak-anak masa depan.

C. Saluran Komunikasi Yang Ditentukan

Setelah keputusan dibuat serta mengambil kira atribut dan ciri inovasi, usaha harus dijalankan untuk menyebarkan idea, amalan atau bahan berkenaan. Beberapa jenis media (telekomunikasi dan bahan bercetak) yang sesuai boleh digunakan untuk menyebarkan inovasi ini.

D. Sifat Semula Jadi Sistem Sosial

Nilai norma, kepercayaan, pengetahuan, pendidikan dan taraf sosio-ekonomi sesuatu sistem sosial atau masyarakat akan mempengaruhi penerimaan dan pelaksanaan sesuatu inovasi di sekolah.

E. Peranan Agen Perubahan

Peranan agen perubahan adalah lebih berbentuk peribadi atau sebagai model untuk menjayakan inovasi.

Guru

Guru juga harus melengkapkan diri dengan kemahiran ke-21 untuk menyokong PAK21 murid. Guru merupakan “role model”, oleh itu apa yang guru dapat melakukan, murid akan turut belajar dari gurunya. Guru perlu bersedia dengan pendekatan pedagogi baru yang bersesuaian dengan abad 21, dan perlu memahami bagaimana ICT dan pedagogi berinteraksi. (Voogt et al. (2013)

Para guru di sekolah adalah wahana yang boleh menentukan corak manusia yang mampu menghadapi alaf baharu di abad ke-21. Tugas dan tanggungjawab para pendidik dalam menyempurnakan akhlak anak anak generasi akan datang adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan bahawa pendidikan Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, (Hakimi Ismail 2015)

Kualiti para pendidik merupakan faktor penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid. Guru bertanggungjawab dalam pembangunan modal insan yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran. Untuk merealisasikan transformasi pendidikan Negara, para guru berganding bahu membuat perubahan Untuk menghadapi cabaran, guru harus mengemaskini pengetahuan (kandungan kurikulum) dan kompetensi (pedagogi PdP) secara berterusan supaya relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Usaha ini memerlukan komitmen dan pengorbanan yang banyak daripada guru. (PADU 2015a)

Gaya pengajaran guru akan mempengaruhi minat murid, menimbulkan pelbagai kesan positif kepada anak murid. (Siti Norfarhana & Siti Mistima 2017). Senarai di bawah adalah antara ciri-ciri Guru Abad ke-21. Antara ciri-cirinya ialah guru perlu menguasai ilmu/subjek/isi kandungan kurikulum yang telah disampaikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, guru perlu mengingetrasikan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bagi membina pengajaran yang sesuai dengan murid daripada sekolah rendah.

METHODOLOGI KAJIAN

Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK) atau Concern-Based Adoption Model (CBAM) merupakan panduan kajian kepada guru untuk mengenal pasti tahap keprihatinan guru dalam inovasi kurikulum. Menurut Hall dan Hord (2011), keprihatinan boleh dikategorikan kepada tujuh tahap iaitu Tahap 0 (Kesedaran), Tahap 1 (Maklumat), Tahap 2 (Peribadi), Tahap 3 (Pengurusan), Tahap 4 (Kesan), Tahap 5 (Kerjasama) dan Tahap 6 (Fokus Semula).

Sampel Kajian

Soal selidik telah diedarkan kepada 10 orang guru yang mengajar di sekolah SJKC daerah Bentong, Pahang. Pemerihaln responden dibahagikan kepada jantina, umur, kelayakan

akademik, pengalaman mengajar dan bilangan kali menghadiri kursus/LDP Pembelajaran Abad ke-21.

Instrumen Kajian

SoCQ mengandungi 35 item soal selidik berkaitan dengan tujuh tahap keprihatinan. Tahap keprihatinan guru dalam kajian ini menjurus kepada tujuh tahap keprihatinan yang diadaptasi daripada Hall dan Hord (2011). Setiap pernyataan berpandu kepada 8 skala mengikut intensiti yang berbeza iaitu dari 0 (tidak berkaitan) hingga 7 (sangat benar) pada skala Likert. Soal selidik tahap keprihatinan (SoCQ) telah mula digunakan sejak 1970-an; kesemua 35 item dalam soal selidik mempunyai kesahan (Cronbach alpha dari .64 ke .83) dan kebolehpercayaan (ujian koefisiensi dari .65 ke .86) yang tinggi (Hall & Hord, 2011).

Menurut Hall dan Hord (2011) peringkat keprihatinan atau SoC pada Informasi dan Personal adalah peringkat Keprihatinan Kendiri (Self-Concern), Pengurusan adalah Keprihatinan Tugas (Task-Concern), sementara Konsekuen, Kolaborasi, dan Pemfokusan Semula adalah Keprihatinan Impak (Impact-Concern). Setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu inovasi mesti berganjak dari Keprihatinan Kendiri kepada Keprihatinan Tugas, dan seterusnya kepada Keprihatinan Impak.

Berdasarkan model CBAM ini, terdapat enam Tahap Penggunaan yang menunjukkan bagaimana tindakan ataupun tingkah laku seseorang terhadap perubahan yang telah diperkenalkan. Tahap tersebut terdiri daripada Tiada Penggunaan (Tahap 0: pengguna mempunyai sedikit pengetahuan ataupun tiada tentang inovasi), Orientasi (Tahap I: baru memperoleh informasi dan cuba meneroka penggunaan inovasi), Persediaan (Tahap II: bersedia mengguna inovasi), Mekanikal (Tahap III: mula berusaha untuk jangka pendek dan memahirkan diri mengguna inovasi), Rutin dan Pemurnian (Tahap IV: mula stabil dan mempelbagaikan amalan penggunaan), Integrasi (Tahap V: berusaha sendiri dalam mengguna inovasi dan berkongsi dengan rakan untuk mencapai impak ke atas klien), dan Pembaharuan/Renewal (Tahap VI: menilai kualiti amalan, melakukan modifikasi atau mencari alternatif baru supaya lebih berimpak). Menurut Hall dan Hord (2011) tahap Tiada Penggunaan, Orientasi, dan Persediaan adalah Bukan-Pengguna (Non-users) manakala tahap Mekanikal, Rutin dan Pemurnian, Integrasi, dan Pembaharuan/Renewal adalah Pengguna (Users).

Namun dalam sesuatu inovasi kurikulum, kadangkala guru merasakan mereka telah melakukan pembaharuan yang dilaksanakan, sebaliknya dari segi tindakan jelas berbeza dengan apa yang dilaksanakan oleh rakan sekerja atau apa yang telah digariskan oleh perancang perubahan tersebut (Hall & Hord 2006). Dimensi yang menjadi fokus kajian ini ialah Peringkat Keprihatinan (SoC) dan Tahap Penggunaan (LoU) merujuk kepada perkara yang dilakukan oleh seseorang berkaitan inovasi yang diterima dan melaksanakan inovasi (Loughridge & Tarantina 2005).

Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK) atau Concern-Based Adoption Model (CBAM) merupakan panduan kajian kepada guru untuk mengenal pasti tahap keprihatinan guru dalam inovasi kurikulum. Menurut Hall dan Hord (2011), keprihatinan boleh dikategorikan kepada tujuh tahap iaitu Tahap 0 (Kesedaran), Tahap 1 (Maklumat), Tahap 2

(Peribadi), Tahap 3 (Pengurusan), Tahap 4 (Kesan), Tahap 5 (Kerjasama) dan Tahap 6 (Fokus Semula). Sehubungan dengan itu, tujuh tahap keprihatinan dikategorikan kepada empat peringkat keprihatinan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Tahap Keprihatinan Berkaitan Inovasi : Definisi Mengikut Tahap

Peringkat Keprihatinan	Tahap Keprihatinan	Definisi
Tiada Berkaitan	0 – 0 Kesedaran	Guru kurang prihatin atau kurang terlibat terhadap inovasi yang diperkenalkan.
Diri	1 –Maklumat	Guru mempunyai kesedaran umum terhadap inovasi yang berlaku dan berminat untuk mempelajari/ mengetahui dengan lebih lanjut tentang ciri, kesan dan keperluannya.
	2 – Peribadi	Perasaan kebimbangan guru mengenai peranan dan kemampuan diri untuk melaksanakan inovasi termasuk keprihatinan mengenai jenis kesan inovasi tersebut terhadap diri dan aktiviti rutin mereka.
Tugas	3 –Pengurusan	Guru fokus kepada proses dan tugas dalam melaksanakan inovasi. Mereka cuba menggunakan maklumat dan sumber yang ada secara optimum. Isu kecekapan, penyusunan, pengurusan, penjadualan dan tempoh masa yang diperlukan adalah diutamakan.
Impak	4 – Kesan	Tumpuan guru berfokus kepada kesan perubahan ke atas murid terutamanya penilaian pencapaian dan kompetensi murid.
	5 – Kerjasama	Guru bekerjasama dengan guru lain bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan perubahan
	6–Fokus Semula	Guru memikirkan dan memfokus semula tumpuan mereka untuk meneroka faedah perubahan yang dilaksanakan. Mereka mencari kemungkinan atau alternatif lain demi menambahbaik inovasi yang sedang berlaku.

Sumber: Adaptasi daripada Hall dan Hord (2011)

Seseorang guru yang berpengalaman akan menjadi seolah-olah guru novis apabila sesuatu kurikulum baru diimplementasikan (Hall & Hord, 2011). Guru akan menghadapi topik baru seperti isi kandungan baru dan pengetahuan kandungan pedagogi yang baru sepanjang mereka berkhidmat sebagai seorang pendidik. Oleh itu, keprihatinan guru akan menunjukkan intensiti yang paling tinggi pada peringkat awal inovasi iaitu Peringkat Keprihatinan Diri. Walau bagaimanapun, apabila guru menjadi lebih berpengalaman dalam mengendalikan inovasi, intensiti akan beralih kepada Peringkat Keprihatinan Tugas dan seterusnya kepada Peringkat Keprihatinan Impak (Hall & Hord, 2011).

PERBINCANGAN

Soal selidik telah diedarkan kepada 10 orang guru yang mengajar di SJKC Ketari daerah Bentong, Pahang. Pemerihalan responden dibahagikan kepada jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan bilangan kali menghadiri kursus/LDP Pembelajaran Abad ke-21.

Jadual 2: Rumusan Pemerihalan Responden

Pemboleh ubah	Demografi	Kekerapan N=10	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	2	20
	Perempuan	8	80
Kelayakan Akademik	Bukan Siswazah	1	10
	Siswazah	9	90
Pengalaman Mengajar (tahun)	1-10	1	10
	11-20	2	20
	21-30	4	40
	30 ke atas	3	30
Bilangan kali menghadiri taklimat / kursus i-Think	Tidak Pernah	1	10
	1 kali	4	40
	2 kali	3	30
	3 kali ke atas	2	20


Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pembelajaran Abad ke-21 Berdasarkan Kelayakan Akademik

Profil guru bagi kumpulan guru yang berkelayakan bukan siswazah dan siswazah menunjukkan Peringkat Keprihatinan Tiada Berkaitan (Tahap 0) yang paling tinggi, manakala Peringkat Keprihatinan Diri (Tahap 3) yang sederhana. Kedua-dua kumpulan guru ini menunjukkan “Kenaikan ekor” pada profil iaitu intensiti peratusan yang meningkat bagi Keprihatinan Fokus Semula (Tahap 6). Skor peratusan kumpulan kelayakan akademik adalah ditunjukkan dalam Jadual 3 seperti berikut

Jadual 3

Skor Peratusan bagi Kumpulan Kelayakan Akademik

Kumpulan Kelayakan Akademik	Tahap 0	Tahap 1	Tahap2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5	Tahap 6
Bukan Siswazah	99	72	72	92	59	55	77
Siswazah	99	77	82	89	52	68	84



Rajah 1: Profil Tahap Keprihatinan Guru Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 Berdasarkan Kelayakan Adademik

Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pembelajaran Abad ke-21 Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Hasil dapatan kajian mendapati tiga kumpulan iaitu guru yang berpengalaman mengajar 1-10 tahun, 11-20 tahun ,21-30 tahun dan 30 tahun ke atas menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Peringkat Keprihatinan Tiada Berkaitan yang terdiri daripada Tahap 0. Manakala, keempat-empat kumpulan menunjukkan intensiti yang paling rendah pada Peringkat Keprihatinan Tugas (Tahap 4).


Kumpulan guru yang berpengalaman mengajar 11-20 tahun menunjukkan skor peratusan yang paling tinggi bagi Tahap 0. Walau bagaimanapun kesemua guru bagi kumpulan pengalaman mengajar menunjukkan “kenaikan ekor” pada profil iaitu kenaikan skor peratusan bagi Tahap 6 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Skor peratusan bagi guru berdasarkan kumpulan pengalaman mengajar adalah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Skor Peratusan bagi Kumpulan Pengalaman Mengajar

Kumpulan Pengalaman Mengajar	Tahap 0	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5	Tahap 6
1 – 10 tahun	99	72	72	92	59	55	77

11 – 20 tahun	99	91	83	90	59	59	84
21 – 30 tahun	99	91	85	90	54	68	87
30 tahun ke atas	99	91	89	88	54	68	84



Rajah 2: Profil Tahap Keprihatinan Guru Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pembelajaran Abad ke-21 Berdasarkan Bilangan Kali Guru Menghadiri Kursus Pembelajaran Abad ke-21 atau Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Pembelajaran Abad ke-21


Hasil kutipan data menunjukkan dalam 10 orang guru, seorang guru tidak pernah menghadiri kursus/LDP Pembelajaran Abad ke-21 (PAK 21). Profil bagi kumpulan guru yang menghadiri 1 kali dan 3 kali ke atas kursus/LDP i-Think menunjukkan skor yang paling tinggi bagi Tahap 0 dan menunjukkan intensiti kedua tinggi bagi Tahap 3.

Bagi keempat-empat kumpulan guru yang menghadiri kursus/LDP PAK 21 ke atas profil guru menunjukkan intensiti yang paling rendah pada Tahap 3. Namun semua kumpulan guru yang tidak pernah menghadiri kursus atau menghadiri kursus 1 kali, 2 kali dan 3 kali ke atas menunjukkan “Kenaikan ekor” pada profil, iaitu skor peratusan meningkat bagi Tahap 6. Skor peratusan bagi kumpulan bilangan kali guru menghadiri kursus/LDP untuk PAK 21 adalah ditunjukkan dalam Jadual 6 seperti berikut.

Jadual 6

Skor Peratusan bagi Kumpulan Bilangan Kali Menghadiri Kursus/LDP i-Think

Kumpulan Bilangan Kali Menghadiri Kursus/LDP i-Think	Tahap 0	Tahap 1	Tahap2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5	Tahap 6
Tidak Pernah	99	72	72	92	59	55	77
1 Kali	99	86	79	84	60	56	82
2 Kali	99	85	83	90	59	64	84
3 Kali Ke Atas	90	84	78	94	57	55	77



KESIMPULAN

Kesimpulannya, PAK 21 amat penting dalam konteks pendidikan. Hal ini demikian kerana, teknologi pada zaman ini diperlukan bagi setiap individu untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan. Sebagai contoh, setiap guru perlu mempunyai Sistem Maklumat Pelajar untuk dihantar kepada Kementerian Pendidikan sebagai rujukan bagi prestasi setiap pelajar tersebut. Murid-murid juga melihat guru sebagai contoh untuk menggunakan ICT yang canggih di sekolah, maka mereka juga akan menjadikan guru sebagai model dalam mempelajari ICT.

Rupa dan bentuk pendidikan yang sesuai dengan generasi abad ke-21 telah banyak diperkatakan dan banyak bahan-bahan penulisan yang mengulas mengenai pendidikan yang mampu memenuhi harapan dan keperluan pendidikan masa kini dan masa depan. Rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi cyber dan akses kepada internet yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti “chalk and talk” semata-mata kurang berhasil menarik minat murid sebaliknya memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan sesuai dengan perkembangan semasa. (PADU, 2015a)

Pembelajaran abad ke-21 ini mempunyai nilai positif dan negatif berdasarkan pendirian individu tersebut terhadap teknologi. Guru-guru masa kini berperanan penting kerana murid-murid merupakan generasi yang akan mencorakkan masa depan sesebuah negara, jadi masa kini perlulah menerapkan pendidikan ICT agar dapat melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang berkualiti bagi menjana tenaga kerja negara. Jelaslah bahawa, keprihatinan guru sekali lagi memainkan peranan penting dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21 ini yang banyak memberi impak dalam pendidikan tidak kira pelajar, guru dan masyarakat di Malaysia.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur dan berterima kasih kerana dapat melengkapkan tesis dalam masa yang singkat walau saya sedari tesis ini belum cukup kesempurnaannya. Namun begitu, besar harapan saya tesis ini dapat menjadi rujukan dan panduan kepada penyelidik lain khususnya dalam kajian-kajian yang berkaitan. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pelbagai pihak atas bimbingan dan sokongan kepada saya sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Terima kasih tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia unggul saya Dr. Zanaton Hj Iksan. Kesabaran dan kecekalan beliau dalam membimbing saya sehingga terhasilnya tesis ini amat saya hargai. Penat lelah saya menunggu dan menunggu bimbingan mereka telah menjadikan saya lebih matang dan memberi pengalaman berharga kepada saya dalam usaha mencari ilmu. Atas nasihat mereka dan daya tahan diri ini adalah salah satu faktor saya terus menulis sehingga tesis ini siap sepenuhnya. Dr. Zanaton amatlah memahami keadaan saya yang juga bekerja sebagai seorang guru di sekolah. Semangat Dr. Zanaton yang sabar membimbing akan saya jadikan teladan pada masa depan.

Sekalung penghargaan juga ingin saya berikan kepada pihak sekolah terutamanya Guru Besar En.Tang Eng Sun, PJK dan juga PK Pentadbiran, PK HEM dan PK KOKO yang banyak membimbing semasa saya bekerja sebagai seorang guru di SJK(C) Ketari. Bimbingan daripada rakan sekerja juga amat penting kerana mereka telah memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik dengan lengkap. Kerjasama anda semua memberi ketepatan dan kejelasan dalam kajian ini.

Penghargaan juga kepada semua rakan pelajar yang tanpa jemu memberi idea, berdebat, bertukar-tukar artikel dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi telah banyak membantu saya ketika berdepan dengan kecelaruan dalam pencarian ilmu. Kesediaan anda membantu saya telah memberi kesedaran agar kita sentiasa bekerjasama demi mencapai sesuatu yang dihasratkan.

Buat keluarga tercinta Pn.Lua Mek, Kakak Lee Siok Teng dan Abang Lee Soo Yeek. dan Keluarga Suami En. Lai Cheng Tong. Sokongan keluarga yang penuh dengan keyakinan dan tidak mungkin akan terjadi tanpa pengorbanan dan doa anda sekalian". Keluarga adalah sumber inspirasi kerana anda memahami situasi saya sebagai pelajar dan memainkan peranan sebagai seorang ibu dalam menyiapkan tesis ini. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

- Cheung, D(2001) School-based assessment in public examinations: Identifying the concerns of teachers. *Education Journal* 29(2), 105-123.
- Faizah, A. M.(2011). School-based assessment in Malaysian Schools: The concerns of English teacher. *US-China Education Review B* 3: 393-402.
- George, A. A., Hall, G. E. & Stiegelbauer, S. M (2006) Measuring implementation in schools: The Stages of Concern Questionnaire. http://www.sedl.org/cbam/socq_manual_201410.pdf [29 Nov 2017].
- Hakimi Ismail (2015) Cabaran baharu kerjaya guru abad ke-21. *Utusan Melayu*, 15 Mei. <http://www.utusan.com.my/pendidikan/umum/cabaran-baharu-kerjaya-guru-abad-ke-21-1.91781> [29 Nov 2017].
- Hall, G. R. & Hord, S. M (2011) *Implementing Change: Patterns, Principles and Potholes*. Edisi ke-3. New Jersey: Perason Education Inc.
- Havelock, R.G (1971) *The Change Agent: Guide to Innovation in Education*. New Jersey: Educational Technology Publication.
- Holloway, K. (2003) A measure of concern: Reseach-based program aids innovation by addressing teacher concerns. *Tools For Schoos* Februy/March 2003: 1-8.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) *Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)*. Slaid. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nurul Nashrah, S., Noor Hasimah, H., & Nur Aida, A. H (2015) Matematik dan kemahiran abad ke-21: Perspektif Pelajar. *Jurnal Pendidikan Matematik* 3(1): 24-36.
- Nurzarina, A. & Roslinda, R (2017) Kefahaman guru tentang kemahiran abad ke-21. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-2. Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Selangor, 26-27 April.
- PADU. (2015)a. Guru abad ke-21. *Buletin Anjakan* 5: 1-5. [http://www.padu.edu.my/files/Buletin_Anjakan_Bil_5-2015_\(Final\).pdf](http://www.padu.edu.my/files/Buletin_Anjakan_Bil_5-2015_(Final).pdf).
- PADU. (2015)b. Pembelajaran Abad Ke-21. *Buletin Anjakan* 4: 1-4. [http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4_\(2015\)_Final.pdf](http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4_(2015)_Final.pdf).
- Schleicher, A. (2011) The case for 21st-century learning. <http://www.oecd.org/general/thecasefor21st-centurylearning.htm> [29 Nov 2017].
- Silahuddin. (2015) Penerapan E-Learning Dalam Inovasi Pendidikan. *Jurnal Ilmiah CIRCUIT*. 1(1): 48-59.
- Sharifah, N. P., Kamarul Azman, A.S. & Kamaruzaman, J. (2011) Using CBAM to evaluate teachers' concerns in science lieteracy for human capital development at the preschool. *World Applied Sciences Journal* 14: 81-87.
- Sharifah, N. P., Kamarul Azman, A. S. & Mohd Mazhan, T. (2017) Concerns-Based Adoption Model (CBAM) untuk menilai pelaksanaan perubahan kurikulum. <https://123slide.org/cbam-syarifah-maly> [29 Nov 2017].
- Sharifah, N. P., Nor Abidah, G., Mohd Mahzan, T. & Aliza, A. (2012) Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(2): 19-31.

- Siti Norfarhana, S. I. & Siti Mistima, M. (2017) Pembelajaran Abad Ke 21: Pendekatan kontekstual untuk pembelajaran bermakna dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. *Seminar Pendidikan Serantau Ke-8*, hlm 75-89.
- Speck, M. (1996) The change process in school learning community. *The School Community Journal* 6(1): 69-79.
- Tan, Y. L. & Lee, L. W. (2015) Profil tahap keprihatinan guru terhadap inovasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berdasarkan Model Concerns-Based Adoption Model (CBAM). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(3): 1-21.
- Tuba, G. (2009) How mathematics teachers' concerns changed within the context of curriculum reform? *Procedia Social and Behavioral Sciences* 1(2009): 1052-1056.
- Voogt, J., Erstad, O., Dede, C. & Mishra, P. (2013). Challenges to learning and schooling in the digital networked world of the 21st century. *Journal of Computer Assisted Learning* 29: 403-413.
- Wang, W. 2014. Teachers' Stages of Concern and Levels of Use of a cCurriculum innovation in China: A case study. *International Journal of English Language Teaching* 1(1): 22-31.
- Yusup, H. (1994). Penggunaan Teknologi Dalam Inovasi Pendidikan. *Pendidik dan Pendidikan*. 13: 72-85.